

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE-43

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 30 AUG 2000

MASA:

Syukur Alhamdulillah, esok genaplah 43 tahun negara kita merdeka. Rakyat Malaysia tentu insaf dan bersyukur kerana sekali lagi dapat merayakan ulangtahun kemerdekaan dalam keadaan aman dan sejahtera. Lagi pun ekonomi negara telah dipulih sepenuhnya.

2. Berbanding dengan tempoh kita dijajah, kemerdekaan kita bukanlah lama. 43 tahun adalah amat pendek berbanding dengan lebih kurang 450 tahun kita dijajah. Setelah kejatuhan Melaka di tangan Portugis, kita dijajah oleh Belanda, British, Jepun dan juga Siam. Inilah sejarah kita yang terhina dan memalukan.

3. Bagi anak watan nasib mereka adalah lebih buruk. Penjajah mengetepikan mereka dengan memilih jalan mudah Membawa masuk orang luar untuk bekerja dan berniaga di Negeri-Negeri Melayu. Dengan itu anak watan menjadi rakyat yang termiskin, rakyat kelas dua di negeri-negeri sendiri. Pada suatu masa bilangan mereka kurang daripada kaum pendatang.

4. Walaupun British berhak hanya menasihati Raja-Raja Melayu, tetapi mereka mengambilalih sepenuhnya kuasa pentadbiran. Demikianlah apabila kita meminta pertolongan orang asing, kita hilang hak sama sekali. Segala urusan yang penting dibolot oleh orang asing sehingga orang Melayu hilang kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri. Mereka tidak pernah secara serius dan terancang mencuba untuk membebaskan negeri-negeri mereka.

5. Negara kita dijadikan ladang getah dan lombong bijih timah oleh orang Eropah. Segala kekayaan negara kita diangkut keluar untuk membangunkan negara penjajah. Segala jalan dan kemudahan infrastruktur dibangun untuk keselesaan hidup dan pengangkutan keluar kekayaan kita. Dan anak watan terus tinggal dalam rumah beratap nipah berdinding buluh.

6. Pelajaran yang diadakan bagi sekumpulan kecil anak watan terhad kepada penyediaan untuk bekerja sebagai kerani. Pelajaran agama terhad ke pondok-pondok dan

mereka yang berpelajaran agama tidak ada peluang untuk bekerja sama sekali, walaupun telah lulus dari Universiti Azhar. Selain daripada masjid di bandar Diraja tidak ada masjid atau surau yang dibangunkan oleh Kerajaan. Rakyat terpaksa membina masjid sendiri yang tidak sempurna.

7. Demikian kehidupan kita sebagai bangsa yang dijajah. Kita diketepikan dan dihina. Penjajah yang sekarang ini bercakap berkenaan hak asasi manusia tidak sedikit pun ditegur kerana mereka mencabul hak asasi kita.

8. Inilah sejarah kita. Selama 450 tahun kita dijajah dan dihina sehingga kita sendiri percaya bahawa memanglah kita adalah bangsa yang hina, yang tidak berkemampuan membuat apa-apa bagi diri kita, yang tidak mungkin mentadbir negara sendiri sebagai bangsa yang bebas.

9. Tetapi hari ini kita telah bebas selama 43 tahun. Kita bukan sahaja bebas tetapi kita dapat mentadbirkan negara kita dengan baik; kita dapat membangunkan negara kita, menyediakan segala kemudahan yang tidak pernah kita kecapai dahulu. Sekolah, hospital, perumahan yang moden, jalanraya, pelabuhan, lapangan terbang, jalan kampung, bekalan elektrik dan air, dan segala-gala yang terdapat di negara maju terdapat juga di negara kita. Lebih daripada itu kita berjaya menangani masalah kaum di negara kita.

10. Rakyat kita, Bumiputera dan bukan Bumiputera, mendapat pelajaran tinggi, menguasai ilmu dalam semua bidang, menjadi peniaga dan pengusaha, menjadi duta dan pegawai tinggi.

11. Bangsa kita terutama orang Melayu dan Bumiputera lain tidak lagi dipandang rendah dan dihina. Dunia mengakui kebolehan kita sehingga kita dianggap contoh kejayaan dalam dunia ketiga.

12. Nasib bangsa kita, nasib orang Melayu dan Bumiputera lain terutamanya sudah berubah dengan ketara. Daripada bangsa yang dihina kita sudah menjadi bangsa yang dihormati dan disegani. Demikianlah yakinnya kita akan kedudukan dan kemampuan kita sehingga kita sukar mempercayai akan kemungkinan kita kembali dijajah semula. Kita percaya bahawa walau apa pun yang dilakukan oleh kita, kita tetap hidup mewah, terhormat dan bebas.

13. Tetapi kepercayaan ini adalah salah. Penjajahan masih diminati oleh bangsa-bangsa Barat. Sejarah mereka menunjukkan bahawa mereka selalunya tamak dan bercita-cita merampas harta orang lain. Buat beberapa ketika selepas kita diberi kemerdekaan mereka menghormati kedaulatan kita. Kemudian mereka

menubuhkan badan-badan bukan Kerajaan yang tidak terikat dengan janji Kerajaan mereka tidak akan campur tangan dalam urusan dalaman negara merdeka. Maka badan-badan bukan Kerajaan ini dengan terbuka melibatkan diri dalam urusan dalaman semua negara, bahkan mereka membantu dan menubuhkan badan-badan yang sama di dalam negara-negara bebas yang boleh mengganggu dan melemahkan Kerajaan-Kerajaan negara yang merdeka ini.

14. Kemudian kuasa Barat mendakwa mereka berhak campur tangan secara langsung dalam perkara tertentu seperti hak asasi manusia dan sistem pemerintahan. Hanya demokrasi liberal sahaja yang dibenarkan oleh mereka.

15. Sekarang mereka ingin menghapuskan sempadan sebagai benteng melindungi ekonomi negara bebas. Melalui konsep globalisasi, modal, bank dan syarikat mereka mestilah bebas melintasi sempadan dan bebas daripada sebarang syarat yang ditentukan oleh negara terhadap gerak-geri mereka.

16. Kita telah melihat apa yang berlaku apabila duit kita dikuasai oleh mereka. Dengan mudahnya mereka boleh menghancurkan ekonomi negara kita. Banyak negara yang terpaksa menyerahkan urusan ekonomi kepada kuasa besar kerana nilai matawang mereka jatuh setelah diserang oleh peniaga matawang Barat.

17. Jika kita menyerahkan urusan ekonomi kita kepada kuasa asing, maka mereka akan menamatkan usaha Kerajaan untuk mengimbangkan ekonomi antara kaum yang sedang kita uruskan. Hak istimewa orang Melayu akan dihapuskan kerana ini bertentangan dengan pendapat mereka dan menghalang pemilikan perniagaan 100 peratus oleh mereka. Mereka akan mengambilalih semua bank dan perusahaan/perniagaan kita. Kita akan menjadi pekerja mereka sahaja tanpa hak bersuara dalam urusan perniagaan atau ekonomi. Akhirnya politik kita juga akan dikuasai oleh mereka.

18. Kali ini kita berjaya menewaskan percubaan mereka. Kita berjaya kerana Kerajaan kita kuat dan disokong oleh majoriti terbesar rakyat. Kita berjaya kerana rakyat tidak bertindak liar dan ganas semasa kegawatan berlaku.

19. Tetapi ini tidak bermakna mereka tidak akan mencuba lagi. Media mereka sudah berjaya memburukkan nama kita serta menggalak dan menyokong segala kejadian dan tindakan oleh mana-mana pihak termasuk penjenayah yang boleh merosakkan negara. Kerajaan kita dituduh tidak demokratik, tidak telus, mengamalkan kronisme, korupsi dan sebagainya. Dan mereka yang berkepentingan antara warga-warga kita membenarkan diri mereka dihasut dan bekerjasama dengan bakal penjajah untuk melemah dan menyerahkan negara tercinta ini kepada orang asing. Dalam sejarah negara kita, Kitol dan Raja Mendalia

tidak pernah berkurangan. Mereka patut sedar akan tujuan penjajah tetapi kerana kepentingan diri, mereka sanggup menggadaikan negara dan bangsa. Tetapi Alhamdulillah, majoriti rakyat sedar dan menyokong Kerajaan dengan cukup kuat sejak kita merdeka. Sebab itu apabila percubaan dibuat untuk memaksa kita menyerahkan urusan ekonomi kita kepada kuasa asing kita dapat menangkisnya. Walaupun pendekatan kita adalah luar biasa, walaupun kita menentang seluruh dunia, namun majoriti rakyat berdiri bersama Kerajaan dan menolong menjayakan sekatan kewangan oleh kita. Rakyat menolak percubaan untuk mencetuskan huru-hara yang boleh merosakkan ekonomi, keamanan dan kewibawaan pemerintah seperti yang berlaku di negara-negara lain.

20. Demikianlah kejayaan pendekatan kita sehingga musuh-musuh kita, IMF, Bank Dunia semua terpaksa mengakui bahawa pendekatan tersendiri Malaysia adalah berdayamaju. Desakan kita supaya sistem kewangan dunia diperbaiki sekarang diterima dan disokong oleh penyangak matawang utama sendiri. Ia mengaku bahawa pasaran bebas mempunyai kecacatan dan tidak mampu menguruskan dengan baik kewangan dan ekonomi dunia.

21. Sepatutnya rakyat Malaysia berbangga dengan kejayaan kita menangkis serangan yang dahsyat ini dengan pendekatan kita sendiri, dengan tidak mengemis kepada sesiapa. Kita hanyalah satu sahaja negara di dunia yang berjaya mengekalkan kebebasan kita daripada cengkaman orang asing. Jika negara lain berjaya seperti ini seluruh rakyat akan merayakannya secara besar-besaran dan berpanjangan.

22. Tetapi di Malaysia ada yang tidak langsung bersyukur bahawa negara kita terus bebas dan dapat dipulihkan dengan baik. Ramai daripada mereka ini terdiri daripada orang Melayu, iaitu orang yang beragama Islam. Mereka sudah lupa akan janji Allah bahawa orang yang tidak bersyukur tidak akan menerima nikmat lagi dan balasan Tuhan terhadap mereka adalah amat pedih. Kita berdoa mereka akan kembali sedar dan bersyukur kepada Allah s.w.t.

23. Negara kita memilih demokrasi sebagai cara menentukan siapa menjadi pemerintah dan Kerajaan. Tidak ada sistem pemerintahan yang tidak mempunyai kecacatan yang boleh membawa keburukan dan bencana. Kerap kali keburukan disebabkan pengamal mempunyai sifat-sifat yang menghalang kebaikan daripada apa juga sistem. Bahkan kebaikan yang menyeluruh yang terdapat dalam agama juga boleh disalahtafsir, disalahguna oleh pihak tertentu dan dengan itu mendatangkan keburukan.

24. Sebab itu kita lihat hampir semua negara yang cuba mengamalkan demokrasi tidak mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada sistem ini. Ada yang tidak dapat ditadbir sama sekali; ada yang menghadapi rusuhan

sepanjang masa; ada yang mendapati pentadbiran yang tidak berwibawa, tidak cekap, tidak lurus; dan ada pula yang mendapati Kerajaan yang suka menindas, yang memaksa rakyat menerima sesuatu, yang tidak memberi kebebasan kepada puak minoriti atau individu sama sekali. Janganlah kita percaya bahawa hanya dengan mengadakan Kerajaan maka akan aman dan makmurlah negara.

25. Kebebasan bersuara dalam demokrasi boleh disalahguna sehingga mencetuskan keganasan dan rusuhan. Tuntutan untuk sesuatu yang keterlaluan boleh menyebabkan ketegangan dalam politik dan akhirnya huru-hara. Membangkitkan perasaan kebencian kepada musuh politik boleh meluap sehingga tidak dapat dikawal. Kerana keterlaluan serba-serbi maka amalan demokrasi tidak membawa kebaikan tetapi sebaliknya membawa mala petaka. Yang menjadi masalah ialah jika Kerajaan terlalu cepat dan terlalu tegas maka tuduhan akan dibuat bahawa demokrasi tidak wujud, tetapi sebaliknya jika Kerajaan lambat bertindak maka mala petaka sudah berlaku pemulihan akan sukar dicapai. Adakalanya kerana lewat dan tidak tegas huru-hara dan anarki akan berterusan.

26. Sejak kempen membenci Kerajaan dengan tuduhan yang dikaitkan dengan agama, perpecahan yang ketara telah berlaku di kalangan orang Melayu. Benci adalah satu emosi atau perasaan yang mudah mendorong kepada tindakan yang ganas. Manusia yang dibenci sudah tidak berupa manusia lagi. Mencedera bahkan membunuh orang yang dibenci adalah mudah walaupun bagi orang yang biasanya tidak ganas.

27. Inilah yang berlaku apabila Kumpulan Al-Ma'unah merancang untuk menggulingkan Kerajaan secara pemberontakan bersenjata. Dengan hati yang penuh benci kepada Kerajaan, kebencian yang dipupuk kerana tuduhan bahawa Kerajaan Malaysia adalah zalim seperti Pemerintahan Firaun, mereka tidak lagi berfikiran waras atau mengambilkira kekuatan mereka atau besarnya dan bahayanya perancangan mereka kepada diri mereka sendiri.

28. Memupuk perasaan kebencian kepada orang lain sebagai cara untuk mendapatkan sokongan bagi diri sendiri adalah seperti bermain api. Semasa kecil menjadi kawan, apabila besar menjadi lawan. Dalam api yang besar kita sendiri akan ditelan olehnya. Jika kempen membenci ini diteruskan, Malaysia akan menjadi seperti beberapa negara membangun yang lain yang tidak pernah menikmati keamanan dan ketenteraman, tidak dapat dibangunkan dan terus bergantung kepada bekas penjajah untuk segala-galanya. Mereka tidak pernah merdeka dengan ertikata yang sebenarnya.

29. Pertentangan politik antara parti dalam demokrasi

tidak seharusnya sampai ke tahap ini. Sepatutnya tentangan terhadap kepada perbezaan pendapat berkenaan dengan cara memajukan negara dan rakyat dan ini tamat apabila proses pemilihan selesai. Malangnya di Malaysia perbezaan pendapat menyebabkan permusuhan yang ketara dan berpanjangan sehingga kehidupan sosial dan agama terganggu secara langsung sepanjang masa.

30. Kita sudah merdeka 43 tahun dan dalam masa itu kita telah mencapai banyak kemajuan. Kita mencapai kemerdekaan kerana kita bersatupadu dan majoriti yang terbesar menuntunya. Sudah tentu hampir semua daripada orang Melayu Semenanjung mahu memerintah negara sendiri. Tetapi kerana kita menganggap parti sebagai pemisah antara sesama kita, maka perpaduan yang telah dicapai semasa kita menuntut kemerdekaan sudah hampir hancur. Hari ini kita menjadi lemah kerana hakisan sokongan oleh orang Melayu kepada Kerajaan. Percayalah jika pertolongan orang asing dipinta, akhirnya negara akan tergadai.

31. Orang asing memang gemar melihat perpecahan di kalangan orang Melayu dan rusuhan sesama kita. Kempen membenci Kerajaan yang diusahakan oleh pihak tertentu sudah sampai kepada tahap kesanggupan mencuba menjatuhkan Kerajaan secara ganas dan bersenjata. Kali ini percubaan itu gagal. Tetapi jika kempen membenci diteruskan terutama dengan menyalahafsir agama untuk meningkatkan lagi kebencian, akhirnya akan berlakulah percubaan secara besar-besaran.

32. Mungkin mereka ini percaya mereka akan mencapai kejayaan dengan cara ini. Tetapi yang tetap berlaku ialah huru-hara yang berpanjangan dan perpecahan di kalangan orang Melayu yang akan melumpuhkan mereka sama sekali. Mereka akan mencari sokongan daripada orang bukan Melayu dan orang asing dan akan menggadaikan hak dan kuasa mereka.

33. Kita tidak boleh lupa bahawa apabila orang Melayu Perak memihak kepada kongsi-kongsi Cina yang sedang berperang, akibatnya ialah British menguasai Kerajaan Perak. Demikian jika kali ini orang Melayu berpecah dan mencari sokongan orang asing, yang akan mendapat manfaat ialah orang yang memberi sokongan. Jika orang asing yang membantu maka mereka akan menguasai Kerajaan negara ini - iaitu menakluki semula negara. Jangan fikir jika Kerajaan yang ada sekarang jatuh maka Kerajaan yang baru yang akan berkuasa. Kerajaan yang baru juga akan diserang dan dilemahkan. Hasrat orang asing yang pura-pura menyokong pihak tertentu, termasuk ekstremis Islam yang menyeleweng, ialah untuk menentukan huru-hara berkekalan di negara ini dan tidak mungkin kita terus bebas, kuat dan berjaya. Kerajaan yang menggantikan akan menjadi boneka kuasa asing.

34. Barat memang biasa menakluk cara ini. Mereka

menghancurkan Empayar Islam Turki dengan menghasut orang Arab supaya memberontak melawan pemerintahan Turki. Apabila Turki dikalahkan semua wilayah Arab ditakluk oleh kuasa-kuasa Eropah. Janganlah kita fikir bahawa strategi "Divide and Rule" atau "Membahagi dan Menakluk" sudah ditolak oleh mereka. Jika kita alpa, maka strategi ini akan digunakan lagi.

35. Oleh kerana ternampak seolah-olah Kerajaan yang diketuai oleh orang Melayu sudah menjadi lemah maka puak ekstremis Cina yang memang pun tidak senang hati dengan kerjasama berbagai kaum di Malaysia ini sudah mula menyakitkan hati orang Melayu dengan membuat tuntutan yang bukan-bukan. Tindakan mereka tidak banyak berbeza dengan tindakan Komunis dahulu yang hendak menghapuskan sama sekali kedudukan yang istimewa orang Melayu di Malaysia ini. Daripada segi pendekatannya, Suqui (Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina) ini adalah sama dengan Al-Ma'unah, iaitu cuba menyakitkan hati orang tertentu, supaya perasaan perkauman dihidupkan semula.

36. Serangan Al-Ma'unah dan Suqui akan merosakkan hubungan baik antara kaum yang telah diusahakan oleh Kerajaan. Jika akhbar Cina yang suka menimbulkan perasaan tersalah di kalangan orang Cina yang sederhana dan laman-laman fitnah yang terdapat dalam Internet yang diusahakan oleh orang Melayu, berjaya mempengaruhi kedua-dua kaum ini, maka kerjasama antara kaum akan diganti dengan konfrontasi yang akan menggugat kestabilan dan keamanan negara. Saya ingin merayu kepada puak ekstremis ini daripada kedua-dua kaum supaya menghentikan bermain dengan api perkauman. Saya juga ingin memperingati semua pihak bahawa Kerajaan ini bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kemajuan negara ini. Kerajaan ini tidak takut dicemuh oleh media asing dan kuasa-kuasa besar di dunia apabila keselamatan dan keamanan dalam negara diancam. Kita tahu siapa orang asing ini. Mereka terlibat secara langsung dari dahulu hingga sekarang dengan jenayah antarabangsa yang meragut nyawa ratusan ribu orang yang tidak berdosa dan menyeksa berjuta orang lain. Sekatan yang dikenakan oleh mereka dan tindakan mengebom sasaran tertentu oleh mereka mencabul hak asasi manusia dengan lebih teruk berbanding dengan tahanan di bawah ISA. Lagipun pertuduhan dalam mahkamah juga tidak akan menghentikan cemuhan mereka. Mereka tetap menuduh kehakiman kita berat sebelah. Sama ada kita guna ISA atau mahkamah adalah hak dan pilihan kita. Kita yang akan menjadi mangsa rusuhan, bukan mereka.

37. Kerajaan ini tidak berminat untuk dipuji oleh orang asing. Tanggungjawab kita ialah kepada rakyat yang memilih kita, iaitu majoriti rakyat Malaysia. Pemerintahan ini akan menentukan negara ini terus stabil dan aman supaya rakyat akan hidup sempurna, supaya wang rakyat digunakan untuk membangunkan rakyat

dan negara.

38. Kita akan terus memerintah mengikut undang-undang dan lunas-lunas demokrasi yang membolehkan rakyat memilih Kerajaan berasaskan kepada penilaian tentang kebolehan parti-parti yang bertanding. Kita akan melawan habis-habisan penyalahgunaan agama bercampur fitnah untuk membangkitkan kebencian sebagai cara memancing undi. Kita akan memelihara kesucian agama Islam dengan mengembangkan ajaran Islam yang tulen. Kita akan melawan percubaan mencetuskan rusuhan kaum melalui tuntutan yang ekstrim. Kita akan memelihara hak semua kaum seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara kita. Kita tidak akan tunduk kepada orang asing, agensi-agensi mereka dan media mereka walau apa pun tekanan yang ditujukan kepada kita dan negara kita.

39. Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan bebas. Pada hari kita merayakan kemerdekaan kita yang ke-43 tahun, marilah kita berbangga dengan pencapaian kita sehingga kini, marilah kita bersatupadu, Bumiputera dan bukan Bumiputera, Melayu dan bukan Melayu; marilah kita pelihara maruah dan kehormatan kita, marilah kita berganding bahu, menguasai semua ilmu dan bekerja keras untuk memajukan bangsa, negara dan agama kita, supaya negara kita terus merdeka, bebas, berdaulat dan dihormati oleh seluruh dunia.

40. Selamat merayakan Hari Kebangsaan kita, Hari Kemerdekaan kita yang ke-43. Kepada pasukan polis dan tentera serta pasukan-pasukan petugas Kerajaan yang lain, kepada kakitangan Kerajaan dan swasta, kepada pelajar dan penuntut di sekolah dan di universiti di dalam dan di luar negeri, bagi pihak Kerajaan, ingin saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana sumbangan yang tidak ternilai terhadap kemajuan dan pembangunan negara yang bertuah dan tercinta ini.

41. Selamat maju jaya kepada semua. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.